

01/05/2001

Program E-Buku babitkan 50 sekolah

BIDANG pendidikan negara maju setapak lagi sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat apabila One-Ed Dot Com (OEDC) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan melaksanakan projek E-Buku dan E-Sekolah.

Projek itu akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak lama lagi.

Menurut Pengarahnya, Daniel Tan, pada peringkat permulaan, program pertama di dunia itu membabitkan 4,000 murid, 650 guru di 50 sekolah di sepuluh negeri iaitu Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor bagi fasa pertama.

Manakala bagi Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak akan dilaksanakan pada fasa kedua projek yang dibuat setahun selepas fasa pertama dilancarkan.

Syarikat OEDC adalah gabungan kerjasama antara Perbadanan Pembangunan Negeri Kedah, Ericsson, Widuri Canggih Sdn Bhd dan Virtual Applications Technology Sdn Bhd.

Menurut Daniel, sejumlah RM40 juta dilaburkan dalam projek ini dan 4,000 pelajar yang terbabit akan dibekalkan peralatan komputer bernilai RM4,000 secara percuma.

Katanya pelajar boleh mendapatkan kandungan 16 buku teks sekolah mereka secara on-line.

Komputer berkenaan turut dilengkapi kemudahan Internet, rangkaian sistem telekomunikasi yang mana ia menjadi ed-portal berasaskan laman web dan teknologi WAP.

"Ia akan menjadi komputer peribadi kepada pelajar bagi mendapatkan pelbagai maklumat dan bahan pelajaran di samping boleh berkomunikasi dan menulis atau menduduki ujian peperiksaan," katanya di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Projek berkenaan yang sudahpun diluluskan Kementerian Pendidikan dan akan turut diawasi perkembangannya setiap hari oleh OEDC dan jawatankuasa bertindak yang ditubuhkan khas oleh kementerian itu.

"Kami akan memantau perkembangan setiap hari dan sehingga Oktober, kajian terperinci akan dijalankan berdasarkan maklum balas di semua sekolah terbabit," katanya.

Hasil kajian maklum balas itu, katanya akan dijadikan landasan bagi merangka perancangan bagi program fasa kedua yang mula dilaksanakan Mei tahun 2002.

Sebagai negara pertama melancarkan program ini, katanya Malaysia akan mengeluarkan sendiri peralatan komputer terbabit bukan saja untuk pasaran dalam tetapi juga dieksport keluar negara.

"Kejayaan projek ini penting bagi membolehkan ia diperkenalkan pula keluar negara dan Malaysia akan sekali gus menjadi pusat projek ini," katanya.

(END)